

PELAKSANAAN TATACARA DISIPLIN SEKOLAH  
DAN PERMASALAHANNYA : TINJAUAN DI EMPAT BUAH  
SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH ALOR GAJAH MELAKA

SARIFAH BTE ABDUL RAHIM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

1997



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan tatacara disiplin di sekolah-sekolah menengah di Alor Gajah, Melaka.

Pelaksanaan ini dilihat melalui empat aspek iaitu : (a) Pengetahuan guru (b) Peranan guru (c) Pengurusan dan Pentadbiran (d) Strategi pelaksanaan. Ia juga meninjau tentang masalah pelaksanaan tatacara disiplin dan program dan cadangan peningkatan pelaksanaan disiplin di sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik. Sampel kajian melalui 37 orang guru daripada empat buah sekolah menengah di Daerah Alor Gajah. Data yang diperolehi dianalisa dengan menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS). Data dilaporkan dalam kekerapan, min dan pemeratusan. Keputusan kajian mendapati bahawa pelaksanaan tatacara disiplin sekolah dalam aspek peranan guru pada tahap tinggi, manakala dalam aspek-aspek pengetahuan guru pengurusan dan pentadbiran, dan strategi pelaksanaan pada tahap sederhana. Guru-guru juga mengemukakan cadangan-cadangan untuk mempertingkatkan disiplin di sekolah. Di bahagian akhir dicatatkan beberapa cadangan dan saranan sebagai bahan rujukan kepada pentadbir di sekolah.